

KAJIAN TEKS SYAIR TUAN HAMPRIS SEBUAH KISAH DI TERENGGANU

Hamdan Aziz, Ismar Liza Mahani Ismail,
Ruzaini Sulaiman, Najihah Abdul Mutalib*

Abstrak

Artikel ini kajian teks Syair Tuan Hampris dalam kerangka pemikiran pengarang iaitu Hajjah Wok Eshah binti Alhaj Nik Idris yang diketengahkan melalui Syair Tuan Hampris (Humphreys) dan diterbitkan di Kuala Terengganu pada tahun 1928. Dengan menggunakan kaedah analisis teks, beberapa peristiwa bersejarah di Terengganu yang digambarkan melalui rangkap-rangkap syair akan diteliti dan dideskriptifkan. Antara aspek pensejarahan Terengganu yang dikenal pasti melalui garapan syair ialah berkaitan pemerihalan Kesultanan terutama yang membabitkan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Selain itu turut disentuh berkaitan proses campurtangan British di Terengganu, pelantikan J.L Humphreys sebagai Penasihat British Terengganu pertama serta tindak tanduk Humphreys dalam pentadbiran negeri. Justeru sebagai timbal balas penulis membincangkan kedudukan sosial penduduk peribumi sebagai perbandingan terhadap peristiwa yang berlaku terhadap Humphreys. Artikel ini diharapkan memberi kefahaman berkaitan berkaitan intipati terhadap karya pensejarahan Terengganu sebagaimana yang terkandung dalam Syair Tuan Hampris karya Hajjah Wok Eshah.

Kata kunci: Hampris, Sultan Zainal Abidin III, sejarah Terengganu, J.L Humphreys, Wok Eshah

Pengenalan

Artikel ini cuba menghuraikan perspektif pensejarahan Terengganu melalui *Syair Tuan Hampris (Humphreys)* karya Hajjah Wok Eshah binti Alhaj Nik Idris yang diterbitkan pada 22 November 1928 di Kuala Terengganu. Berdasarkan perspektif pensejarahan, artikel ini membincangkan kedudukan institusi beraja, kedatangan kolonial di Terengganu pada peringkat awal, pelantikan J.L Humphreys sebagai Penasihat British, sistem pemerintahan serta kedudukan sosial penduduk peribumi sebagai perbandingan terhadap peristiwa yang berlaku terhadap Humphreys.

* Dr. Hamdan, Ismar Liza Mahani, Dr. Ruzaini dan Dr. Najihah ialah kakitangan akademik Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Malaysia Terengganu.

Kajian Lepas dan Metodologi

Kajian Mohd Yusuf Hashim turut menyentuh betapa syair sebagai perakam sejarah melalui Pensejarahan Melayu turut menyentuh berkaitan *Syair Tuan Hampris*. Pada beliau karya ini penting kerana sarat dengan nilai dan peristiwa sejarah yang berlaku khususnya di Terengganu. Mohd Yusof mencatatkan dengan terperinci isu yang difokuskan oleh Wok Eshah termasuk dari perspektif ketatanegaraan iaitu institusi beraja, saat kedatangan kolonial peringkat awal serta pelantikan J.L Humpreys sebagai Penasihat British, sistem pemerintahan serta doktrin Islamiyyah-Melayuwiyyah yang disadurkan melalui Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911.¹

Selain Mohd Yusuf, tulisan Rahimah Hamdan turut menyentuh berkaitan pujian orang Melayu terhadap pegawai kolonial British. Pada beliau amat menjengkelkan jika terdapat karya orang Melayu yang mengagung serta memuji kolonial British seperti mana karya Syair Tuan Hampris hasil karangan Wok Eshah pada awal abad ke-20. Secara ironinya, pengarang syair ini seolah-olah melupakan kesengsaraan penduduk peribumi sepanjang pentadbiran British di negeri negeri lain menerusi karya syairnya. Justeru, apakah Wok Eshah mempunyai sebab tersendiri dalam penulisannya? Apakah pengarang Syair Tuan Hampris tertawan hati dengan pentadbir British ini? Apakah pentadbir British seperti Humpreys berjaya menawan hati masyarakat Melayu Terengganu? Rentetan dari situlah, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perspektif pengarang terhadap kolonial dan menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam syair.²

Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud sekali lagi menulis berkaitan memenangi hati orang Melayu. Sekalipun tatkala majoriti orang Melayu menentang Inggeris maka Wok Eshah keluar dari *taboo* dengan membuat pujian terhadap pegawai kolonial British. Pada hemat penulis, perkara ini berlaku kerana sebahagian besar berkisar terhadap pembaharuan dan kemajuan yang dibawa ke dalam negeri. Wok Eshah juga tertarik terhadap kebolehan Humpreys berkomunikasi dalam Bahasa Melayu serta bergaul dengan baik bersama penduduk Melayu. Suami kepada Wok Eshah, Encik Busu yang dinaikkan pangkat kepada Peguam Negeri (setaraf dengan jawatan Penasihat Undang-Undang Negeri) juga dengan sokongan Humpreys.³

Dalam pada itu Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaiful Bahri Md. Radzi membincangkan sikap kepengarangan dua penyair syair diraja Melayu pada era millennium iaitu “Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat” oleh Mohd Ibrahim bin Said dan “Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar” oleh Maskiah binti Masrom. Kedua-dua penulis ini menjadikan raja sebagai idea kepengarangan iaitu kebersamaan dengan karya Wok Eshah yang memfokuskan berkaitan dengan tokoh.⁴

-
- 1 Mohd Yusuf Hashim, *Syair Tuan Hampris*, dlm. *Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 519-520.
 - 2 Rahimah Hamdan, “Menawan Hati Melayu’: Perspektif Pengarang Syair Tuan Hampris Terhadap Kolonial, *International Journal of Creative Industries (IJCREI)*, Volume 2 Issue 5, 2020, hlm. 1-15.
 - 3 Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud, ‘Winning the Hearts of theMalays’: Perspective of the Author of Syair Tuan Hampris Towards the Colonialists, *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14 (8), 2020, hlm. 663-680.
 - 4 Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaiful Bahri Md. Radzi, Peristiwa dan Kenangan dalam Syair Diraja Melayu Perak Johor Era Kontemporari *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 30 (4), 2022, hlm.1917 - 1930

Sementara itu Jelani Harun menghuraikan secara terperinci “Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga” sebuah karya agung Terengganu yang digarap Tengku Dalam Kalthum. Sebagaimana karya Wok Eshah, karya syair ini juga berkaitan dengan tokoh iaitu ketokohan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Sultan Zainal Abidin III disifatkan sebagai seorang sultan yang adil dan alim serta membawa kemajuan hidup masyarakat Terengganu. Baginda adalah seorang sultan yang berpegang teguh kepada tradisi kesultanan Melayu, pemeliharaan adat istiadat dan kemuliaan agama Islam sebagai asas kepada baginda dalam mengekang kedatangan pengaruh Inggeris di Terengganu.⁵

Dalam pada itu Norazilawati Abd Wahab, menjelaskan berkaitan perkembangan negeri Terengganu 1920-1942, berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III. Penulis menjelaskan bahawa penulisan berkaitan Terengganu sehingga kini gagal memanfaatkan penggunaan sumber seni kreatif seperti mana Syair Tawarikh Zainal Abidin III sebagai salah satu sumber utama dalam penulisan sejarah. Sebaliknya, kebanyakan penulis sejarah lebih memfokuskan penggunaan sumber utama lain seperti mana rekod pejabat Tanah Jajahan British, rekod rasmi Setiausaha Negeri Terengganu (SUK), surat diraja dan lain-lain lagi. Sedangkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III karya Tengku Dalam Kalthum (TDK) dilihat mempunyai maklumat penting mengenai Terengganu terutama ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dari tahun 1920 sehingga tahun 1942.⁶

Sementara itu Nur Ibtisam Zulkifli dan Rahimah Hamdan menzahirkan perspektif kedatangan kolonial British ke Alam Melayu pada abad ke-19 mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat peribumi. Penentangan secara halus dan terang-terangan terhadap kolonial British dan Belanda diluahkan dalam karya sastera yang dihasilkan. Namun demikian karya Wok Eshah adalah sebaliknya kerana melanggar konvensi kepengarangan tersebut. *Syair Tuan Hampris* dikarang oleh Wok Eshah memaparkan perhubungan luar biasa antara kolonial dan masyarakat peribumi di Terengganu.

Dapatan kajian wujud keterujaan pengarang terhadap Humphrey yang berjaya menawan hati raja dan masyarakat Terengganu. Secara tidak langsung, kajian ini membuktikan bahawa di sebalik kebencian dan penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajahan Barat, masih wujud reaksi positif daripada masyarakat yang dijajah sehinggakan sanggup dipaparkan dalam karya sastera sejarah. Syair Tuan Hampris ini berjaya memercikkan satu perspektif baharu dalam korpus kesusasteraan Melayu terutama rakaman keterbukaan peribumi dalam menangani arus penjajahan.⁷

Kajian ini bersifat kualitatif yang mementingkan aspek historiografi [pensejarahan] yang mana sumber utama adalah teks “Syair Tuan Hampris” karya Hajjah Wok Eshah. Justeru dua kaedah digunakan iaitu kajian teks serta analisa kandungan bagi mendapatkan data yang diklasifikasi sebagai mempunyai nilai atau peristiwa sejarah terutama berkaitan pensejarahan Terengganu. Justeru data yang diperoleh dikumpul secara kronologi atau ditematikkan selaras

5 Jelani Harun, Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 2015, hlm. 3 - 15

6 Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah, Perkembangan Negeri Terengganu 1920-1942, Berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III, dlm. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, June 2022 Vol. 6, Issue. 1, 2022, hlm. 87-106.

7 Nur Ibtisam Zulkifli, Rahimah Hamdan, Perspektif Pengarang terhadap Barat dalam Syair Tuan Hampris *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 8, Issue 7, 2023, hlm.1-20.

dengan penulisan sejarah. Maklumat yang dikumpul dipersembahkan dalam bentuk naratif dan deskriptif.

Syair Tuan Hampris (Humphreys)

“Syair Tuan Hampris” adalah karya Hajjah Wok Eshah Al-Haj Nik Idris yang dicetak di Kuala Terengganu pada 22 Oktober 1928. Sekalipun syair ini tidak menyatakan penerbit namun Pencetak dinyatakan secara jelas iaitu *Matbaah Al-Ahliah*, Kuala Terengganu. Manakala catatan Sea Villa, Kuala Terengganu [Batu Burok] adalah tempat tinggal Wok Eshah bersama dengan kumpulan pegawai tadbir negeri [birokrat] serta kebanyakan aristokrat Terengganu ketika itu yang turut menetap di Batu Burok.⁸ Antara yang menetap di kawasan ini termasuklah Penasihat British, J.L. Humphreys yang menjadi subjek utama dalam penulisan syair ini. Selain Wok Eshah dan Humphreys, Menteri Besar Terengganu, Dato’ Seri Amar Diraja Haji Nгах Muhammad Yusuf juga menetap di kawasan sini. Wok Eshah menunaikan ibadat haji pada tahun 1936 bersama suaminya Encik Busu bin Noh yang ketika itu berkhidmat sebagai Pendaftar di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di Kuala Terengganu bersama dengan anak lelaki mereka iaitu Awang Mohamed.⁹

Hajjah Wok Eshah adalah penulis wanita bukan kalangan aristokrat [istana] seperti mana Permaisuri Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah [1920-1942], iaitu Tengku Ampuan Mariam Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Pahang. Tengku Ampuan Mariam mengarang beberapa buah syair antaranya *Syair Ingatan Kahwin* (Jilid 1 & 2), sebuah syair dan puisi yang ditulis khusus bagi memperingati dan mengenang kembali majlis perkahwinan baginda bersama Sultan Sulaiman. Karya-karya baginda yang lain seperti *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*, *Syair Pelayaran Ke Negeri Siam* dan *Syair Pelayaran Ke Tanah Jawa* serta beberapa syair lain. Hubungan antara Wok Eshah dengan Tengku Ampuan Mariam agak akrab memandangkan Wok Eshah juga sebagai penulis dan penyelenggara kepada karya Tengku Ampuan Mariam. Selain Tengku Ampuan Mariam, seorang penulis istana terkenal iaitu Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Wok Khazaki. Tengku Dalam yang lahir dalam kalangan istana telah mengarang magnum opus *Syair Tawarikh Sultan Zainal Abidin III* yang mengandungi lebih 3084 rangkap syair dalam dua fasal. Tengku Dalam Kalthum adalah cucunda kepada Sultan Zainal Abidin III dan cicit kepada kepada Sultan Hussein Singapura.


Bagi Wok Eshah, beliau adalah penulis dalam kalangan orang kebanyakan namun bersuamikan Encik Busu bin Noh yang berasal dari Singapura iaitu seorang peguam yang sangat rapat dengan J.L. Humphreys. Sebelum di Terengganu, Encik Busu telah berkhidmat di Singapura dan Kelantan sebagai wartawan akhbar.

J.L. Humphreys pada peringkat awal campurtangan British di Terengganu dilantik sebagai Agen British [1915-1919] namun dinaikkan pangkat kepada Penasihat British bermula 1919 bersempena termeterai Perjanjian Inggeris Terengganu pada 24 Mei 1919. Setelah beberapa tahun berkhidmat sebagai Penasihat Inggeris dan sebelum meletuskan kebangkitan anti British dalam kalangan penduduk Hulu Terengganu pada tahun 1928, Humphreys telah dipindahkan ke Kedah pada tahun 1925 manakala pada Oktober 1926 beliau diarahkan bertugas

8 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, *Syair Tuan Hampris*, Matbaah Al-Ahliah: Kuala Terengganu, 1928.

9 *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 8 April 1936, hlm. 6.

ke Borneo Utara [Sabah, Malaysia] sebagai Gabenor. Pada 15 Oktober 1929, Humpreys telah meninggal dunia di sebuah hospital di Tientsin, China kerana sakit *pneumonia* sewaktu bercuti ke negara tersebut.



Gambar 1: *Syair Tuan Hampris* karya Hajjah Wok Eshah
 Sumber: Hajjah Wok Eshah binti Haji Nik Idris, *Syair Tuan Hampris*, 1928,
 Koleksi Terengganu, Perpustakaan Negeri Terengganu

Catatan Wok Eshah melalui 232 rangkap syair sebahagian besarnya menceritakan perihal pensejarahan Terengganu dengan menjadikan diri Humpreys sebagai subjek utama. Pemilihan Humpreys kerana pengarang begitu kagum terhadap diri pegawai kolonial tersebut. Hajjah Wok Eshah menyatakan keberadaan sosok tersebut tidak diboleh disamakan dengan mana-mana individu memandangkan corak kehidupan yang moden serta *versatile*. Wok Eshah mula mengarang syair dengan mengambil masa sekitar 7 bulan iaitu bermula 6 Safar dan berakhir pada 12 Rajab [12 Januari 1928]. Syair ini dicetak pada 12 Januari 1928 dan dijual sebelum meletusnya kebangkitan anti British penduduk Hulu Terengganu pada 20 hingga 23 Mei 1928. Syair ini tidak mencatatkan sebarang perihal berkaitan kematian Humpreys kerana syair siap dikarang setahun lebih awal dari tarikh kematian Humpreys. Syair ini secara umum boleh disifatkan sebagai diari hidup kepada Humpreys terutama sewaktu beliau berada di Terengganu.

Perspektif Pensejarahan Terengganu Dalam Syair Tuan Hampris

Berdasarkan karya Hajjah Wok Eshah dalam *Syair Tuan Hampris* didapati sebahagian besar teks adalah berkaitan dengan pensejarahan Terengganu terutama dalam aspek ketatanegaraan *Melayuwiyyah Islamiyyah*. Sekalipun karya ini dipenuhi elemen doksologi terlampau yang mengagungkan seseorang sebagaimana lazimnya bagi mereka yang terpengaruh dengan idea Barat. Hal ini tidak boleh dinafikan terutama melalui kaca mata Hajjah Wok Eshah terhadap Humpreys.

Pelantikan J.L. Humphreys sebagai Agen dan Penasihat British¹⁰

- [*“elok parasnya serta manjelis, lembah lembut barang lakunya, adapun tuan muda teruna.”*]
- [*Tuan tu kononnya Bahasa Inggeris, berbahasa Melayu haram tak janggal*].
- [*pelajarannya konon di Universiti, Oxford bernama kampungnya pasti*]

Pengarang [Hajjah Wok Eshah] memerihalkan dengan lenggok doksologi berkaitan ketibaan Humphreys ke Terengganu melalui halaman dua di rangkap 8/232 hingga rangkap 16/232 dengan jumlah rangkap sebanyak 3.4 peratus. Pemerihalan ini boleh dianggap sebagai pendahuluan terhadap penulisan syair. Pemerihalan terhadap diri Humphreys berlaku secara langsung dengan kata-kata pujian termasuklah berkaiatan asal usul, fizikal tubuh badan, tahap akademik serta kemahiran yang dimiliki beliau. Pengarang mencatatkan bahawa Humphreys berasal dari Eropah iaitu Kota England, United Kingdom. Beliau digambarkan sebagai seorang anak muda yang kacak, masih bujang serta halus tingkah laku. Beliau juga mempunyai beberapa keistimewaan iaitu berkemampuan untuk bercakap menggunakan Bahasa Melayu serta juga mampu menulis dalam tulisan Jawi dengan baik. Selain itu beliau juga seorang yang terpelajar kerana mendapat pendidikan di universiti berprestij iaitu mendapat pendidikan di Universiti Oxford. Sedangkan jika dibandingkan dengan kebanyakan model pengajian penduduk Tanah Melayu sebelum kedatangan kolonial adalah berkisar berkaitan ilmu Fardu Ain iaitu kemahiran Al-Quran, akidah, fiqh dan akhlak serta tasawwuf. Manakala ilmu-ilmu yang bercorak fardu kifayah seperti sains, matematik, perubatan serta beberapa ilmu lain tidak begitu popular bahkan jarang diajar di institusi pengajian. Justeru adalah tidak menghairankan selepas tamat pendidikan di tanah air, maka mereka menyambung pengajian ke institusi pengajian tertinggi Islam terutama di Makkah atau Mesir. Justeru senario ini tidak membantu kepada pengajian ilmu kifayah terutama pengajian sains dan teknologi seperti perubatan, kejuruteraan serta yang lain tidak begitu terserlah. Di Tanah Melayu, universiti awam pertama dibuka ialah Universiti Malaya di Singapura yang ditubuhkan pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua.



John Lisseter Humphreys MCS, CBE, CMG

Gambar 2: J.L. Humphreys

10 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 2.

Sumber: Mohd Yusuf Hashim, Syair Tuan Hampris, *dlm. Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 556.

Sekalipun tidak dinyatakan dengan jelas dalam syair berkaitan dengan campurtangan British di Terengganu namun hakikat sejarah mendedahkan betapa kuasa Barat terutama kuasa kolonial British berusaha untuk menduduki Terengganu bermula pada peringkat awal campurtangan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu [NNMB]. Hanya setelah diadakan Perjanjian Bangkok 1909 iaitu melibatkan penyerahan kuasa Siam terhadap British terhadap empat buah negeri-negeri Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menyebabkan kuasa Barat berjaya campurtangan.

Pada peringkat awal campurtangan, Sultan Zainal Abidin III bersama penasihat utama iaitu Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad al Idrus [Tok Ku Paloh] tetap berkeras bahawa baginda tidak menerima pelantik mana-mana pegawai British di Terengganu. Ketegasan Sultan Zainal Abidin III yang tidak menerima Perjanjian 1909 tidak berjaya mengubah pendirian British untuk campurtangan dengan mencari kaedah lain termasuk mengadakan perjanjian baharu iaitu Perjanjian British Terengganu 1910. Perjanjian ini akhirnya menyebabkan Terengganu terpaksa menerima seorang pegawai British iaitu W.L. Conlay dilantik sebagai Ejen atau Konsul kepada rakyat British di Terengganu. Justeru antara tahun 1911 sehingga 1915, tiga pegawai Barat iaitu W.D. Scott, E.D. Dickson dan C.N Maxwell telah dilantik sebagai Ejen British. Pada tahun 1915, baharulah Humpreys dilantik sebagai Ejen British di Terengganu. Setelah diadakan perjanjian sekali lagi pada 24 Mei 1919 iaitu melibatkan Terengganu-British maka Terengganu perlu menerima seorang Penasihat sebagaimana negeri Kedah, Perlis dan Kelantan yang menerima penasihat lebih awal. Humpreys kemudian dinaikkan pangkat dan dilantik sebagai Penasihat British Terengganu bermula 24 Mei 1919. Beliau menjawat jawatan Penasihat British sekitar enam tahun iaitu dari tahun 1919 sehingga 25 Mei 1925.

Institusi Beraja- Sultan Zainal Abidin III¹¹

- [*sangatlah alim paduka ratu, rajanya alim lagi jauhari, alimnya lagi tidak terperi*]
- [*cukup fahamnya ilmu Arabiah, baginda nan gemar ilmu falakiah*].
- [*lagipun Baginda sudah ke Makkah, ke negeri Mesir namanya tuan*]

Meskipun pada rangkap-rangkap awal Syair Tuan Hampris kelihatan pengarang [Wok Eshah] kelihatan beriya-ya cuba menonjolkan pemerihalanan Humpreys, namun sebagai anak Melayu yang berkelahiran Kampung Teluk Pasu, Kuala Terengganu yang menjunjung tinggi konsep Melayu, Islam, Beraja, beliau masih sedar terhadap jati diri Melayu. Justeru sebagai menjaga adab pertuanan Melayu maka institusi kesultanan iaitu Sultan Zainal Abidin III sebagai Yang di-Pertuan Negeri sama sekali tidak dilupakan bahkan diletakkan di rangkap-rangkap awal syair. Struktur pentadbiran negeri, kedudukan Sultan begitu penting iaitu sebagai ketua negeri yang menjalankan pemerintahan bersama-sama pembesar yang lain. Dalam pada itu Sultan terpaksa menerima nasihat daripada Penasihat British serta Majlis Mesyuarat Negeri

11 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 3-4.

yang diketuai Menteri Besar. Dalam pentadbiran negeri, hampir semua perkara mendapat campurtangan British; kecuali dalam dua perkara utama yang berkaitan dengan orang Melayu iaitu kedudukan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Justeru melalui dua ruang lingkup ini maka jati diri Melayu Islam masih dapat dipertahankan.

Pengarang sewaktu beliau menyempurnakan rangkap-rangkap syair telahpun berusia 45 tahun memandangkan beliau lahir pada tahun 1883. Beliau meninggal dunia pada tahun 1937. Jika ditinjau dari aspek perkembangan individu, beliau seorang yang sangat matang serta mampu memikirkan sesuatu perkara dengan baik atau buruk terhadap sesuatu tindakan. Justeru pada rangkap 17/232 hingga 30/232, iaitu dalam lingkungan 5.6 peratus rangkap syair, beliau menggunakan elemen doksolologi memperihalkan kehebatan Sultan Zainal Abidin III. Sultan digambarkan sebagai raja yang alim lagi warak, berkebolehan bertutur dalam bahasa Arab serta mahir dalam ilmu falak. Selain itu Sultan Zainal Abidin III juga disebut sebagai Sultan Terengganu pertama mengerjakan haji iaitu pada tahun 1913 serta sempat mengadakan lawatan ke Mesir. Sultan Abidin III digambarkan berada di atas takhta selama 38 tahun 22 hari dan mangkat sewaktu berumur 55 tahun 2 bulan 25 hari.

Keberadaan Hampreys di Terengganu¹²

- [adapun akan masa dahulu, kuranglah elok jalan dilalu, kiri dan kanan dipandang berbulu, jalannya sempit tiada kelulu]
- [“Dia nya hendak menyenangkan kita, supaya jalan sama sekata, senang berjalan kuda kereta”]
- [berhanyutan segala peti dan barang, tikar dan bantal dihanyun gelombang]
- [mengadakan peraturan hilir dan hulu]
- [peraturan baharu keluar adat, nikah dan cerai mengambil surat, kedua perkara sangatlah berat]
- [besarnya harimau terlalu bina, bulunya itu bermacam warna, datangnya itu entah dari mana, masuk ke Tanjung tidak semena]
- [Doktor; dresar berdiri datang, mengambil segala ubat di balang, kepada Musa lalu dituang, daging yang hancur lalu dibuang]
- [sekalian pegawai berhati luluh]
- [demikian hamba mendengarnya tentu]

Selaras dengan hasrat utama Hajjah Wok Eshah untuk menonjolkan susuk tubuh Humpreys, maka sebahagian besar syair adalah berkisar mengenai individu tersebut. Salah satu sebab mengapa pengarang agak terkesima dan mengkagumi Humpreys berkemungkinan di atas dorongan bapanya sendiri iaitu Haji Nik Idris serta suaminya Encik Busu. Bapanya Haji Nik Idris adalah individu yang mempunyai urusan perniagaan dengan Humpreys manakala suaminya Encik Busu bin Noh yang berasal dari Singapura adalah peguam negeri. Hubungan rapat Encik Busu dengan pegawai kolonial memandangkan beliau pernah bertugas sebagai wartawan akhbar di Singapura dan Kelantan. Melalui kolum dalam akhbar, Encik Busu acap kali mengkritik konsep feodal Melayu kerana kumpulan ini tidak memperdulikan nasib rakyat. Sewaktu di Terengganu keakraban beliau dengan Humpreys menyebabkan beliau dilantik mengendalikan kes yang berkaitan dengan undang-undang di Terengganu. Oleh

12 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 6-7.

kerana keterlibatan secara langsung dalam undang-undang menyebabkan beliau merupakan seorang individu yang turut terlibat dalam pengkuatkuasaan undang-undang negeri termasuk pelaksanaan di Mahkamah Bersama [*Joint Court*]. Hal ini juga membawa kepada pelantikan Encik Busu sebagai seorang peguam [*loyar*]. Baginya, undang-undang British adalah lebih praktikal diguna pakai dalam sistem pemerintahan berbanding undang-undang Melayu.

Sejajar dengan indoktrinasi yang diterima daripada suaminya Encik Busu maka terbitlah sebuah Syair Tuan Hampris yang merupakan rakaman sejarah Penasihat British [Humphreys]. Jelas melalui syair ini pengarang berjaya memperkukuhkan hasrat sebenar iaitu ingin menzhahirkan kehebatan Humphreys sebagai seorang insan yang serba sempurna melalui garapan kandungan syair berkaitan Humphreys dengan kandungan sebanyak 86.6%. Keterangan lanjut berkaitan kandungan syair sebagaimana di bawah:

| ISU | RANGKAP | PERATUS | |
|-------------------------------------|---------|---------|-------|
| Pendahuluan | 1-7 | 3.0% | |
| Kedatangan Humphreys | 7-16 | 3.4% | |
| Sultan Zainal Abidin III | 17-30 | 5.6% | |
| Keberadaan Humphreys | 31-232 | 86.6% | |
| Pelantikan dan sumbangan | 31-60 | | 12.5% |
| Hobi- sukan golf | 61-67 | | 3.0% |
| Ke UK/Kapal Karam/ Cina Mati | 68-104 | | 15.5% |
| Sosioekonomi/Penceraian/ pengurusan | 105-125 | | 8.6% |
| Harimau mengamuk | 126-144 | | 7.7% |
| Berburu | 145-150 | | 2.1% |
| Pindah ke Kedah | 151-176 | | 10.7% |
| Bercuti ke UK | 177-200 | | 9.9% |
| Residen Sabah | 201-232 | | 13.3% |

Jadual 1: Perbincangan Isu serta Peratus Dalam *Syair Tuan Hampris*

Sumber: Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, 1928, *Syair Tuan Hampris*, Matbaah Al-Ahliyah: Kuala Terengganu [versi Jawi]

Bermula dengan rangkap 31/232, pengarang memperihalkan kedatangan Humphreys pada peringkat awal dengan pangkat Agen British Terengganu. Sewaktu mula-mula menjejakkan kaki ke Terengganu, pengarang menyebut bahawa di Terengganu [khususnya di Kuala Terengganu] jarang mempunyai rumah batu. Rumah batu boleh didefinisikan sebagai sebuah rumah moden, selesa, kukuh serta mempunyai kemudahan asas di dalamnya. Ketika itu rata-rata rumah penduduk Melayu diperbuat daripada kayu serta beratap rumbia. Kelihatan sangat usang dan mudah rosak. Manakala kebanyakan tandas dan bilik air terletak di luar bangunan rumah. Bahkan ketika itu digambarkan kebanyakan jalan atau lorong dalam keadaan tidak menentu [tidak tersusun]. Bahkan kedudukan pasar dan kedai tidak bersesuaian dari aspek lokasi dan logistik terutama dengan perumahan penduduk. Gambaran ringkas di atas memberikan kenyataan bahawa seolah-olah memberikan kewajaran [justifikasi] terhadap kedatangan Humphreys iaitu untuk memperbetulkan sesuatu keadaan yang tidak maju kepada kehidupan yang lebih moden selaras dengan kemajuan yang dikecapi di Barat. Begitu juga seolah-olah wujud harapan menggunung dalam diri pengarang supaya Humphreys dapat memajukan Terengganu.

Pengarang juga menyebut bahawa sebelum Humpreys datang ke Terengganu, beliau telahpun bertugas di Batu Pahat, Johor. Namun setelah mendapat arahan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura, beliau bertolak ke Terengganu. Melalui kenyataan ini dapat dilihat betapa pengarang cuba menyembunyikan sesuatu iaitu beliau [Humpreys] bukanlah ingin datang berkhidmat ke Terengganu tetapi di atas arahan. Bagi mewajarkan kata-katanya, pengarang menyatakan “perihal ini diketahui oleh penduduk Terengganu sehingga diperkatakan orang”.

Keberadaan Humpreys di Terengganu sebagaimana Perjanjian 1910, iaitu kerajaan Terengganu perlu menyediakan rumah kediaman yang bersesuaian bagi wakil British. Justeru kerajaan Terengganu melalui Menteri Besar telah menempatkan Humpreys di sebuah rumah serta pejabat [Resedensi] di Batu Burok, Kuala Terengganu. Setelah hampir empat tahun beliau menjawat jawatan sebagai Agen British, beliau dinaikkan pangkat kepada Penasihat British pada tahun 1919. Humpreys dinaikkan pangkat dari Agen British kepada Penasihat British dengan pindaan Artikel 11, Perjanjian bertarikh 22 April 1910 yang ditandatangani bersama antara John Anderson dan Sultan Zainal Abidin III.¹³

Dalam pada itu minda pengarang seolah tertawan keperibadian Humpreys. Pengarang memuji Humpreys sebagai seorang yang pandai bergaul serta pandai membuat kerja. Bahkan dicatatkan melalui syair bahawa Raja Terengganu beruntung mempunyai Penasihat sebagaimana Humpreys. Ini kerana sepanjang tempoh keberadaan sebagai Penasihat, Humpreys telah membuat beberapa pembangunan dalam negeri termasuklah membina pasar baharu, menambahbaik sistem jalan raya termasuk melakukan pemindahan rumah penduduk bagi yang terlibat dengan meluas dan melebarkan jalan. Bagi pengarang, usaha Humpreys yang begitu baik ini juga kurang disenangi sebahagian penduduk sekalipun untuk kebaikan masa hadapan. Sekalipun begitu, terdapat juga mereka yang bersetuju dengan tindakan Humpreys untuk membangunkan negeri dengan katanya.

Selain itu, Humpreys membina sebuah padang untuk kemudahan penduduk berhimpun jika terdapat sesuatu acara dan tidak hanya tertumpu di padang dalam kota Istana Maziah yang menjadi tempat kebiasaan penduduk untuk berhimpun. Dalam pada itu beberapa kawasan dalam bandar yang dahulunya semak samun telah dibersihkan untuk dijadikan kawasan perumahan penduduk serta bangunan yang lain. Dalam pada itu beberapa pembangunan lain dilaksanakan seperti pembinaan bangunan pejabat kerja raya, bangunan *dispensary* [sebagai tempat rawatan], menara jam besar [dengan jarum di hala ke jalan besar supaya mudah dilihat orang ramai], mewujudkan mahkamah [yang bersetentang dengan pejabat kerajaan] serta mengarahkan supaya kawasan berpaya di Paya Bunga, Kuala Terengganu ditimbus untuk didirikan bangunan kerajaan.

Bagi pengarang yang masih dalam konteks minda tertawan, adalah menjadi suatu kehebatan apabila seseorang individu boleh bermain sukan moden khususnya dari Barat seperti golf serta kriket. Sebagai contoh, pada awal Januari 1913, Humpreys memasuki pertandingan golf dengan mewakili Kelab Golf Keppel di Singapura menentang kumpulan di Sepoy Lines.¹⁴ Kebolehan Humpreys bermain jenis sukan ini adalah tidak pelik kerana sudah biasa di Barat manakala kemudahan seperti peralatan dan padang telah disediakan. Berbanding dengan jenis sukan ini di Terengganu agak asing memandangkan sukan tradisional penduduk seperti

13 *Malaya Tribune*, 3 Jun 1919, 4, “Terengganu to have British Adviser”.

14 *The Straits Times*, 16 Januari 1913, 10, “Golf”.

sepak raga dan sukan rakyat lain. Apabila Humpreys bermain jenis sukan ini tentulah terserlah kehebatan beliau serta tidak ramai yang boleh menandingi. Bagi rata-rata penduduk Melayu Terengganu, bukan sahaja ingin menandingi, bahkan ingin bermain pun kurang mengetahui dari aspek pengendalian dan peraturan. Justeru bagi pengarang, kehebatan Humpreys bermain sukan tersebut sebagai tiada tolok bandingnya serta disifatkan sebagai “*champion No. 1*”. Kehebatan Humpreys dalam sukan tersebut terbukti apabila beliau memenangi dalam kejohanan yang diadakan termasuk di Kuala Lumpur.

Pengarang juga melaporkan wujud hubungan rapat antara Humpreys dengan taukeh Cina di Kuala Terengganu. Hal ini terbukti apabila pengarang melaporkan sewaktu Humpreys ingin pulang bercuti di Eropah beliau turut bersama taukeh Cina. Begitu juga bagi pembesar negeri, sekalipun tidak dapat bersama ke England namun mereka mengucapkan selamat jalan kepada Humpreys. Antara yang hadir mengucapkan ucapan selamat jalan termasuklah Encik Kasim Odit, suami pengarang [Hajjah Wok Eshah] iaitu Encik Busu Loyar, Encik Hashim dan Encik Da. Dalam pada itu individu yang turut bersama Humpreys ialah seorang taukeh Cina bernama Ang Sun Huat. Selain mereka yang mengucapkan selamat jalan, terdapat beberapa orang pekerja yang sibuk mengangkut barang Humpreys ke dalam sampan sebelum dipunggah ke atas kapal. Melalui peristiwa ini, pengarang menceritakan hal yang berlaku secara jelas iaitu kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa sebelum sempat mereka naik ke kapal kerana ribut yang melanda. Dalam kejadian pada Sabtu, jam 2.00 pagi, 26 Februari 1921, seramai enam orang peniaga Cina mati lemas kerana sampan terbalik dihentam badai sewaktu ke kapal Asdang. Mereka yang terkorban ialah Mr. Ang Soon Huat, menantu Mr. Lim Chui Chian, Mr. Ang Siah Im, Mr. Cheng Kiang Dungun dan Mr. Wee Cheng Po telah lemas dalam kedalaman air 15 kaki manakala Humpreys dapat diselamatkan serta orang Melayu tiada yang terkorban.¹⁵

Pengarang menjelaskan sewaktu rombongan [Humpreys] menunggu kapal untuk bertolak, kapal tersebut tidak dapat masuk ke kuala pada peringkat awal kerana angin dan ombak yang terlalu besar. Peristiwa ini disifatkan pengarang sebagai jarang berlaku. Walau bagaimanapun pengemudi kapal yang diberi nama *Asdang* mengambil keputusan untuk berlabuh sekalipun cuaca masih lagi kurang baik. Justeru Humpreys dan rombongan yang berada di perahu mengambil keputusan untuk ke kapal dan meneruskan belayar sekalipun keadaan laut dan ombak yang masih bergelora. Oleh kerana gelombang serta dikuti arus dan angin yang kuat menyebabkan perahu yang dinaiki Humpreys dan rombongan telah terbalik serta karam. Keadaan ini menyebabkan banyak barang serta beberapa orang penumpang yang dibawa telah jatuh ke laut. Mereka yang jatuh dan hampir lemas termasuklah Humpreys sendiri. Namun beliau sempat diselamatkan dan dibawa pulang ke tempat kediaman untuk diberi bantuan rawatan. Walau bagaimanapun nasib yang kurang baik menimpa taukeh Cina Ang Sung Huat serta enam yang lain telah mati lemas. Dalam kalangan pemilik perahu penambang terutama penduduk Melayu tiada yang terkorban kerana mempunyai kemahiran berkaitan kelautan.¹⁶

Humpreys juga membuat pindaan bagi penjawat awam serta mengadakan peraturan mengikut cita rasa British. Antaranya ialah peraturan tanah termasuk peraturan tanah baharu terutama yang melibatkan penduduk Hulu yang banyak berkecimpung dalam pertanian. Selain

15 *The Straits Times*, 1 Mac 1921, 9, “Fatal Disaster. Boat Capsizes on Trengganu bar”.

16 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 10-13.

itu bagi urusan nikah kahwin serta penceraian juga dibuat peraturan. Pada pengarang hal ini penting bagi mengelak sesuatu perkara yang timbul jika wujud masalah dalam perkahwinan. Dengan adanya peraturan baharu ini “*di dalam aturan sangatlah kuat, cerai dan nikah mesti bersurat, report dahulu kepada pejabat, jikalau tidak salah mendapat*”. Beliau menambah “*sekarang senanglah sudah, kerana aturan sudah berpindah, janda dan dara senang bernikah, sekalian aturan memberi faedah*”.¹⁷

Oleh kerana kebijaksanaan Humpreys dalam pentadbiran negeri menyebabkan pembangunan berjalan lancar dalam negeri. Pada hemat pengarang, Humpreys adalah individu yang sukar dicari ganti. Bahkan pengarang tanpa sebarang syak wasangka terhadap niat Humpreys telah memuji secara terlampau dengan katanya “*hati pun baik tiada terperi, kasih kepada isi negeri, demikain juga dagang santeri, tiada dibezakan tuan bestari*”. Dinyatakan juga sifat peribadi Humpreys iaitu sebagai seorang pemaaf dan sukar untuk marah. Budi dan jasa tidak terbalas melainkan Allah SWT yang membalas. Penggunaan nama Allah SWT lazimnya bagi orang Melayu hanya khusus bagi mereka yang beriman kepada Allah SWT manakala penggunaan kalimah yang tepat dalam konteks dalam konteks ini ialah “hanya tuhan yang membalasnya”. Lebih menakjubkan lagi apabila pengarang memohon kepada tuhan supaya Humpreys diberikan dipanjang umur, dimurahkan rezeki serta dijauhkan Allah SWT dari segala ftnah.

Selain itu pengarang juga memperihalkan peristiwa seekor harimau masuk bandar dan mencederakan beberapa orang penduduk kampung serta haiwan ternakan menjadi mangsa kepada harimau tersebut. Dalam peristiwa ini, pengarang cuba memaparkan kehebatan dan keberanian Humpreys yang mana beliau sahaja yang mampu menyelamatkan keadaan dengan menembak mati harimau terbabit dan bukannya orang lain. Sedangkan perkara ini adalah tidak pelik kerana Humpreys mempunyai senjata api berbanding dengan penduduk lain yang hanya bersejatakan parang. Bahkan Humpreys selalu ke hutan untuk berburu dan sudah tentu beliau mempunyai pengalaman. Digambarkan melalui rangkap syair bahawa harimau tersebut begitu besar serta berbulu.¹⁸

Oleh kerana risau terhadap keselamatan maka penduduk telah memaklumkan berkaitan harimau kepada Koprak yang bertugas di Balai Polis Kuala Terengganu. Setelah mendapat laporan maka Koprak bersama Mata-Mata telah bergegas menjejaki kedudukan harimau tersebut. Koprak yang bernama Musa disifatkan sebagai seorang yang garang serta mempunyai senjata. Bahkan Koprak Musa turut dibantu oleh Mata-Mata yang juga lengkap bersenjata maka adalah tidak munasabah beliau tidak mampu menewaskan harimau yang mengganggu keselamatan penduduk. Menurut pengarang, Koprak Musa sempat menuju berhampiran harimau dan sempat menembaknya. Walau bagaimanapun berkemungkinan tembakan Koprak Musa terhadap harimau tidak mengenai sasaran menyebabkan harimau tersebut bertindak menyerang dengan mencakar di bahagian tubuh Musa. Garapan syair ini cuba menjelaskan bahawa usaha Musa memburu harimau dibuat secara semborono serta tanpa strategi. Keadaan ini menyebabkan Musa cedera parah dan sempat dibawa ke hospital. Di hospital, Musa diberi rawatan kecemasan namun kerana tubuhnya yang cedera parah akibat diserang harimau tersebut menyebabkan Musa tidak dapat diselamatkan dan menemui ajal selepas itu.¹⁹

17 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 15.

18 *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*; 19 September 1924, 7, A Tiger in Trengganu Town.

19 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 16-17.

Bagi menyelesaikan masalah harimau mengamuk dan masuk kampung ini maka pengarang cuba menzahirkan watak Humpreys sebagai seorang yang hebat iaitu beliau secara sendirian cuba menjejaki harimau dan berjaya menembak mati haiwan tersebut. Kehebatan Humpreys dicatat pengarang dengan katanya “*inikan harimau tiada berkawan, gajah di hutan dapat ditawan*”. Kebolehan Humpreys dalam membunuh harimau tidak dinafikan kerana salah satu kegemaran Humpreys selain bersukan ialah berburu. Antara kawasan hutan yang pernah dimasuki Humpreys untuk berburu ialah hutan di Setiu, Besut, Dungun dan Paka. Humpreys tidak melepaskan peluang untuk berburu kijang dan rusa terutama jika ada hari kelepasan atau cuti. Pernah berlaku sewaktu Humpreys di Paka, terserempak dengan sekawan gajah lalu beliau menembak seekor darinya untuk menyelamatkan diri.²⁰

Bagi setiap pertemuan tentunya ada perpisahan. Maka tiba satu keadaan yang menyedihkan hati pengarang iaitu saat perpisahan apabila Humpreys diarahkan bertukar dari Terengganu ke negeri Kedah dengan jawatan yang sama iaitu Penasihat British.²¹ Perpisahan yang tidak dijangka ini tentulah menyedihkan hati ramai pihak terutama mereka yang pernah berkerja bersama Humpreys termasuklah suami pengarang iaitu Encik Busu. Pengarang melaporkan Humpreys begitu disayangi penduduk, menyebabkan ramai yang datang mengucapkan selamat jalan dengan hati yang sedih. Apatah lagi dalam kalangan pembesar memandangkan mereka terlalu lama mereka bersama dalam perkhidmatan kerajaan menyebabkan mereka merasakan agak sukar untuk mencari pengganti [Penasihat British] sebagaimana Humpreys. Sewaktu upacara perpisahan terakhir, Humpreys diberi penghormatan dengan iringan kumpulan *boyscout* yang dianggotai kanak-kanak pelbagai kaum termasuk Melayu dan Cina.

Sekalipun Humpreys telah berpindah ke Kedah, namun hubungan antara pengarang dengan bekas Penasihat Inggeris [melalui suaminya Encik Busu] itu tetap wujud. Ini kerana setiap peristiwa yang berlaku terhadap Humpreys dapat diketahui juga oleh pengarang. Pengarang menggarapkan sewaktu di Kedah, Humpreys dapat diterima dengan baik oleh penduduk kerana sifat peribadi terutama keramahan dalam pergaulan sebagaimana keberadaan beliau di Terengganu. Cuma yang membezakan antara kedua negeri ialah hasil padi apabila kedudukan sawah padi di Kedah jauh lebih luas berbanding Terengganu dan sesuai dengan gelaran negeri jelapang padi. Begitu juga tiada pelaporan yang kurang baik termasuk penolakan rakyat Kedah dengan kedatangan Humpreys.²²

Tidak berapa lama di Kedah, Humpreys pulang bercuti ke London untuk menziarahi keluarganya. Kegembiraan Humpreys kembali ke pangkuan keluarga dinyatakan terperinci oleh pengarang. Persoalan iaitu bagaimana pengarang mendapat maklumat untuk digarapkan dalam syair berkemungkinan di dapati daripada suaminya iaitu surat menyurat antara Humpreys dan suami memandangkan keduanya masih mempunyai hubungan rapat. Sewaktu berada di kota London, kesempatan digunakan Humpreys untuk bertemu pegawai kolonial yang pernah ditugaskan sebagai pegawai di Tanah Melayu. Oleh kerana sewaktu Humpreys di Eropah adalah musim salji maka pengarang turut mperihalkan keindahan salji yang terdapat di Eropah yang mana salji tidak ada di Tanah Melayu atau Terengganu. Pengarang juga berjaya menggambarkan dengan baik kedudukan salji termasuklah pada waktu salji turun

20 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 19.

21 Kabaran Dari Kelantan, 28 Mei 1925, 7, “Kabar kawat Melayu”.

22 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 20.

telah melitupi suasana termasuklah kayu dan batu. Bagi sumber penulisan syair, pengarang mengaku bahawa beliau hanya mendengar daripada orang lain berkaitan Humpreys yang kembali ke England.²³

Setelah berada di bumi Eropah selama hampir setahun, maka dengan persetujuan penguasa London, beliau kembali telah dihantar Tanah Melayu tetapi ke British North Borneo [Sabah] dengan dinaikkan pangkat sebagai Gabenor. Sebelum bertolak ke Sabah, Humpreys sempat menerima pingat yang disampaikan oleh Baginda King di kota London. Humpreys kemudian sampai ke Jesselton [Kota Kinabalu] untuk bertugas. Suasana penduduk di Sabah digambarkan oleh pengarang sebagai sangat berbeza dengan Terengganu iaitu "*khabarunya keras perangai dan laku*". Namun bagi pengarang ianya tidak sedikitpun menjadi masalah kepada Humpreys kerana beliau begitu berpengalaman dalam hal ehwal pentadbiran di Tanah Melayu.²⁴

Pada rangkap terakhir syair, pengarang cuba kembali kepada prinsip fundamental Melayu Islam iaitu dengan mencatatkan bahawa beliau sememangnya anak Melayu iaitu jiwa dan jati diri Melayu masih kekal di dalam hati dan sifat dirinya sekalipun tulisan beliau begitu jelas tertawan dengan seorang susuk tubuh berbangsa Eropah. Dalam pada itu pengarang juga tahu peraturan dalam penerbitan serta kaedah penjualan buku dengan menegaskan bahawa tiada siapa boleh menciplak karyanya kerana syair yang dikarang telah didaftarkan berdasarkan undang-undang negeri Terengganu. Pengarang mencatatkan "*syair nan telah diregisterkan, menurut undang-undang negeri dan pekan, ikhwan yang lain jangan mengecapkan*".²⁵

Kesimpulan

Tidak dinafikan bahawa syair boleh dijadikan wahana sebagai perakam sejarah terutama yang berkaitan dengan peristiwa masa lalu. Sekalipun sebahagian besar rangkap-rangkap syair Hajjah Wok Eshah yang bertajuk "Syair Tuan Hampris" begitu tegar dengan pujian [doksologi] terhadap susuk tubuh Humpreys, seorang warga Eropah namun pengarang berjaya mengajak khalayak ke satu spektrum perhubungan yang unik antara penduduk peribumi dengan pegawai kolonial. Bahkan kedatangan pegawai kolonial yang menguatkuasakan dasar dan peraturan tidak lagi dianggap sebagai penyebab kepada kerosakan dan kebinasaan penduduk peribumi tetapi dipandang mulia dan seharusnya masyarakat mengikut jejak langkah pegawai kolonial. Suatu yang menarik apabila pengarang adalah seorang wanita bukan dalam kalangan istana namun berjaya menggarap beberapa peristiwa sejarah yang menjadi tatapan kita hari ini namun dari perspektif seorang penduduk biasa yang tertawan dengan kebudayaan luar.

23 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 23.

24 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 26.

25 Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, hlm. 29

Penghargaan

Hamdan Aziz, Ismar Liza Mahani Ismail, Ruzaini Sulaiman dan Najihah Abdul Mutalib adalah kumpulan kesepakaran dalam Research Interests Groups (RIG) Kumpulan 7, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) UMT. Dalam pada itu selaku penulis utama iaitu Dr. Hamdan Aziz, mengucapkan ribuan terima kasih di atas kelulusan cuti Sabatikal oleh UMT bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Oktober 2024 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam menjalankan kajian berkaitan Kolonialisme dan Orientalisme di Alam Melayu.

Bibliografi

- Akhbar *Kabaran Dari Kelantan*, 28 Mei 1925, hlm. 7, “Kabar kawat Malayu”.
- Akhbar *Malaya Tribune*, 3 Jun 1919, hlm, 4, “Trengganu to have British Adviser”.
- Akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 19 September 1924, hlm. 7, “A Tiger in Trengganu Town”.
- Akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 8 April 1936, hlm. 6, Untitled.
- Akhbar *The Straits Times*, 1 Mac 1921, hlm. 9, “Fatal Disaster. Boat Capsizes on Trengganu bar”.
- Akhbar *The Straits Times*, 16 Januari 1913, hlm. 10, “Golf”.
- Hajjah Wok Eshah Al Haj Nik Idris, *Syair Tuan Hampris*, Matbaah Al-Ahliyah: Kuala Terengganu [versi Jawi], 1928.
- Jelani Harun, Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 2015, 3hlm. -15.
- Mohd Yusuf Hashim, Syair Tuan Hampris, dlm. *Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim, Arba’iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah, Perkembangan Negeri Terengganu 1920-1942, Berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III, dlm. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, June 2022, Vol. 6, Issue. 1, 87-106.
- Nur Ibtisam Zulkifli, Rahimah Hamdan, Perspektif Pengarang terhadap Barat dalam Syair Tuan Hampris, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 8, Issue 7, 2023, hlm. 1-20.
- Rahimah A. Hamid, Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Syahidatul Munirah Badrul Munir, Md. Salleh Yaapar, Kearifan Melayu dalam Syair Dang Sirat, dlm. *Akal Budi dalam Sastera Rakyat Naratif dan Bukan Naratif*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2017, hlm. 26-44.
- Rahimah Hamdan, Menawan Hati Melayu’: Perspektif Pengarang Syair Tuan Hampris Terhadap Kolonial, *International Journal of Creative Industries (IJCREI)*, Volume 2 Issue 5 (December 2020), hlm. 01-15.
- Rahimah Hamdan dan Arba’ie Sujud, ‘Winning the Hearts of the Malays’: Perspective of the Author of Syair Tuan Hampris Towards the Colonialists, *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14 (8), 2020, hlm. 663-680.

- Rosnani Ibrahim, Perbandingan Kepengarangan Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Milenium, *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(1), 2022, hlm. 51 – 63.
- Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaiful Bahri Md. Radzi, Peristiwa dan Kenangan dalam Syair Diraja Melayu Perak Johor Era Kontemporari *J. Soc. Sci. & Hum.*, 30 (4), 2022, hlm. 1917-1930.